



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

CETUSAN *ENVAKAI MEYPPĀTU* DALAM NOVEL M. RAMAIAH



05-4506832

MAGASWARI ELIYARNI A/P SUBRAMANIAM

ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

CETUSAN *ENVAKAI MEYPPĀTU* DALAM NOVEL M. RAMAIAH

MAGASWARI ELIYARNI A/P SUBRAMANIAM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada..... (hari bulan)..... (bulan) 2020

i. Perakuan pelajar :

Saya, **MAGASWARI ELIYARNI A/P SUBRAMANIAM (P20171000268) FBK** (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **CETUSAN ENVAKAI MEYPPĀTU DALAM NOVEL M. RAMAIAH** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. SAMIKKANU JABAMONEY A/L ISHAK SAMUEL** (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **CETUSAN ENVAKAI MEYPPĀTU DALAM NOVEL M. RAMAIAH**

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **DOKTOR FALSAFAH** (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

.....

Tandatangan Penyelia

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**Tajuk / Title: **CETUSAN ENVAKAI MEYPPĀTU DALAM NOVEL M. RAMAIAH**No. Matrik /Matric No.: **P20171000268**Saya / I : **MAGASWARI ELIYARNI A/P SUBRAMANIAM**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Disertasi (**Kedoktoran**)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) from the categories below:-*

☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh:

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan Maha Berkuasa kerana memberi peluang kepada saya menyiapkan kajian ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Profeser **Dr. Samikkanu Jabamoney Ishak Samuel** dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. **Dr. Samikkanu Jabamoney Ishak Samuel** sebagai penyelia sudi menyelia penulisan ini dari peringkat awal hingga disertasi ini dapat disempurnakan. Komen, tunjuk ajar, nasihat dan idea yang bernas diberikan oleh beliau sepanjang penulisan ini amat membantu dalam menghasilkan satu kajian yang mantap. *"I thank you for being my inspiration and guide for all this while"*. Tidak dilupakan juga dan jutaan terima kasih kepada **Dr. Manomani Devi M.A.R Annamalai** dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanpa sokongan dan dorongan beliau, saya tidak dapat menyempurnakan tesis ini. Cadangan dan nasihat yang diberikan oleh beliau adalah sangat bererti bagi saya. Kajian ini juga tidak mungkin dapat disempurnakan tanpa kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak seperti pihak pengurusan perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan Perpustakaan Awam yang terlibat secara langsung dan tidak langsung membantu saya mendapatkan bahan rujukan yang relevan untuk penulisan kajian ini. Istimewa buat insan tersayang ibu, atas segala pengorbanan dan jasa baik beliau.

Semoga Tuhan membalas dan memberkati jasa dan keikhlasan kalian semua.

Magaswari Eliyarni Subramaniam
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim

2019/2020





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti *envakai meypātu*, menganalisis cara-cara pengarang mencetuskan *meypātu* dan menghuraikan unsur-unsur pengajaran yang disampaikan melalui cetusan *envakai meypātu* yang terpapar dalam novel M. Ramaiah. Kajian ini ialah kajian kepustakaan yang menerapkan kaedah analisis teks dan deskriptif untuk menganalisis tujuh buah novel karya M. Ramaiah, iaitu *novel Oru Tāyīṇ Ilacciyak Kaṇavu*, *Alakiṇ Ārāṭaṇai*, *Caṅkamam*, *Viḷalum Nīrum*, *Maṇa Ūṇaṅkaḷ*, *Payāṇaṅkaḷ Muṭivatillai* dan *Neruppu Cuṇai*. Analisis dan perbincangan dibuat berpandukan teori *meypātu* yang diutarakan oleh Tolkappiar, yang merangkumi lapan variasi rasa terdiri daripada *nakai* (tawa), *alukai* (tangisan), *iḷivaral* (hina), *marutakai* (kagum), *accam* (takut), *perumitam* (bangga), *vekuḷi* (marah) dan *uvakai* (gembira) yang terpapar dalam ketujuh-tujuh novel yang dikaji. Setiap rasa *meypātu* pula dicetuskan oleh empat punca tertentu dan terdapat sejumlah 32 punca yang mencetuskan *envakai meypātu*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa M. Ramaiah menerapkan kesemua *envakai meypātu* dalam ketujuh-tujuh novelnya. Di samping itu, pengkaji dapat mengesan 31 daripada 32 punca yang mencetuskan *envakai meypātu*, kecuali punca cukai yang mencetuskan perasaan marah. Selain itu, pengarang menyisipkan sebanyak 18 pengajaran dalam novel-novelnya. Antara pengajaran ini, terdapat 10 pengajaran bercorak positif, iaitu mesej atau iktibar yang memperteguh sesuatu amalan, perbuatan dan pengalaman agar dijadikan ikutan dan pedoman dalam menjalani kehidupan seharian. Sementara itu, pengarang turut menyelitkan lapan pengajaran negatif menyeru pembaca menjauhi dan menjadikannya batasan hidup untuk melahirkan suasana sosial yang adil dan harmoni. Kesimpulannya, M. Ramaiah berjaya mencetuskan kesemua *envakai meypātu* melalui 31 punca yang diutarakan oleh teori *meypātu*. Implikasinya, kajian ini mendorong masyarakat menampilkan fikiran dan tindakan yang mencerminkan perasaan positif demi memelihara kesejahteraan hidup diri dan orang di sekelilingnya.





MANIFESTATION OF *ENVAKAI MEYPPĀṬU* IN M. RAMAIAH'S NOVELS

ABSTRACT

The purpose of research is to identify *envakai meyppāṭu* (eight-fold emotions), analyse the ways author manifests *meyppāṭu* and explain messages conveyed by the author through the exploration of *envakai meyppāṭu* in his novels. This study is a library research which applies textual and descriptive analysis methods to analyse seven novels of M. Ramaiah, viz *Oru Tāyīṇ Ilacciyak Kaṇavu*, *Aḷakiṇ Ārāṭaṇai*, *Caṅkamam*, *Viḷalum Nīrum*, *Maṇa Ūṇaṅkaḷ*, *Payāṇaṅkaḷ Muṭivatillai* dan *Neruppu Cuṇai*. Analysis and discussions are based on the theory of *meyppāṭu* promoted by Tolkappiar which consists of *envakai meyppāṭu*, namely *nakai* (laughter), *aḷukai* (weeping), *iḷivaral* (contempt), *marutkai* (awe), *accam* (fear), *perumitam* (pride), *vekuḷi* (anger) and *uvakai* (joy) depicted in the seven novels studied. Each of the *meyppāṭu* (emotion) is triggered by four inner fold causes and there are 32 causes that trigger these eight-fold emotions. The findings show that M. Ramaiah has successfullay applied all the *envakai meyppāṭu* in his seven novels. In addition, researcher also able to identify 31 of the 32 causes that triggered these *envakai meyppāṭu* emotions, except the tax source that triggers anger. Beside this, the author had inserted implisitly 18 messasges in these novels. Among these messages, there are 10 positive messages which reinforce practices and actions which will serve as examples and guidance in the daily lives of his readers. In contrast, the author interjects eight negative messages urging readers to avoid these thoughts to enjoy a just and harmonious social atmosphere. In conclusion, M. Ramaiah has been effective in manifestation all of the *meyppāṭu* through 31 sources in his novels that are described by the theory of *meyppāṭu*. The implication is that this study encourages people to assimilate thoughts and actions that reflect positive feelings for the well-being of everyone in the society.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
TRANSLITERASI	xi

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan masalah	6
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Soalan Kajian	15
1.6 Kepentingan Kajian	16
1.7 Batasan Kajian	17
1.8 Sumber Kajian	18
1.8.1 Sumber Primer	19
1.8.2 Sumber Sekunder	19
1.9 Definisi Konsep	20
1.9.1 Aspek	20
1.9.2 <i>Meyppātu</i>	21
1.9.3 Novel	23

1.10 Kesimpulan	21
-----------------	----

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	26
2.2 Kajian Umum Aspek Variasi Rasa Atau <i>Meyppātu</i> Di Malaysia	27
2.3 Kajian Teori <i>Meyppātu</i> Dalam Karya Kesusasteraan Tamil	29
2.4 Kajian Lepas Terhadp Penulisan M. Ramaiah	36
2.5 Kesimpulan	41

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan	43
3.2 Reka Bentuk Kajian	44
3.3 Kaedah Kajian	46
3.3.1 Kajian Kepustakaan	46
3.3.2 Kaedah Analisis Teks	47
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	48
3.4.1 Pembacaan Data	49
3.4.2 Pemilihan Data	49
3.4.3 Pembahagian Data	49
3.4.4 Penganalisisan Makna Kandungan	50
3.4.5 Pembentukan Ciri-Ciri Umum <i>Meyppātu</i>	53
3.5 Teori <i>Meyppātu</i>	53
3.5.1 Tawa (<i>Nakai</i>)	56
3.5.2 Tangisan (<i>Alukai</i>)	57
3.5.3 Hina (<i>Ilivarai</i>)	58
3.5.4 Kagum (<i>Marutkai</i>)	59



3.5.5 Takut (<i>Accam</i>)	60
3.5.6 Bangga (<i>Perumitam</i>)	61
3.5.7 Marah (<i>Vekuḷi</i>)	62
3.5.8 Gembira (<i>Uvakai</i>)	64
3.6 Kerangka Teori <i>Meyppātu</i>	66
3.7 Kesimpulan	67

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	68
4.2 Mengenal Pasti <i>Envakai Meyppātu</i> dan Menganalisis Cara-cara Pengarang M. Ramaiah Mencetuskannya Dalam Novelnya	69
4.2.1 Rasa Tawa Atau <i>Nakai</i> Dalam Novel Ramaiah	70
4.2.1.1 Ejekan Atau <i>Eḷḷal</i>	71
4.2.1.2 Keanak-Anakan Atau <i>Iḷamai</i>	75
4.2.1.3 Kejahilan Atau <i>Matan</i>	79
4.2.1.4 Kebodohan Atau <i>Pēṭaimai</i>	83
4.2.2 Tangisan Atau <i>Alukai</i> Dalam Novel M. Ramaiah	86
4.2.2.1 Terhina Atau <i>Iḷivu</i>	87
4.2.2.2 Kehilangan Atau <i>Iḷavu</i>	95
4.2.2.3 Kedaifan Atau <i>Acaivu</i>	99
4.2.2.4 Kemiskinan Atau <i>Aarumai</i>	103



4.2.3 Hina Atau <i>Iiivaral</i> Dalam Novel M.Ramaiah	108
4.2.3.1 Ketuaan Atau <i>Mūppu</i>	110
4.2.3.2 Penyakit Atau <i>Pini</i>	114
4.2.3.3 Kesedihan Atau <i>Varuttam</i>	117
4.2.3.4 Keuzuran Atau <i>Menmai</i>	119
4.2.4 Kagum Atau <i>Marutkai</i> Dalam Novel M. Ramaiah	124
4.2.4.1 Keanehan Atau <i>Putumai</i>	125
4.2.4.2 Takjub Atau <i>Perumai</i>	129
4.2.4.3 Kehalusan Atau <i>Cirumai</i>	133
4.2.4.4 Pembaharuan Atau <i>Akkam</i>	135
4.2.5 Takut atau <i>Accam</i> dalam Novel M. Ramaiah	138
4.2.5.1 Makhluk Halus atau <i>Aṇaṅku</i>	139
4.2.5.2 Binatang Liar atau <i>Vilaṅku</i>	141
4.2.5.3 Perompak atau <i>Kalvar</i>	143
4.2.5.4 Pihak Atasan atau <i>Irai</i>	144
4.2.6 Rasa Bangga atau <i>Perumitham</i> dalam Novel M. Ramaiah	150
4.2.6.1 Ilmu atau <i>Kalvi</i>	151
4.2.6.2 Keistimewaan atau <i>Tarukan</i>	154
4.2.6.3 Kemasyhuran diri atau <i>Pukaḷmai</i>	157
4.2.6.4 Murah hati atau <i>Koṭai</i>	160



4.2.7	Marah atau <i>Vekuḷi</i> dalam Novel M. Ramaiah	161
4.2.7.1	Penderaan Fizikal atau <i>Urupparai</i>	163
4.2.7.2	Cukai atau <i>Kuṭikōl</i>	166
4.2.7.3	Hukuman atau <i>Alai</i>	166
4.2.7.4	Pembunuhan atau <i>Kolai</i>	167
4.2.8	Gembira atau <i>Uvakai</i> dalam Novel M. Ramaiah	170
4.2.8.1	Kekayaan atau <i>Celvam</i>	172
4.2.8.2	Keindahan atau <i>Pulan</i>	175
4.2.8.3	Persetubuhan atau <i>Puṇarvu</i>	176
4.2.8.4	Permainan atau <i>Viḷaiyāṭṭu</i>	178
4.3	Menghuraikan Unsur-unsur Pengajaran yang disampaikan oleh Pengarang melalui Cetusan <i>Envakai Meyppātu</i>	191
4.3.1	Tidak Ejek-Mengejek Sesama Manusia	192
4.3.2	Tidak Bersikap Keanak-anakan	195
4.3.3	Tidak Bersikap Jahil atau <i>Maṭan</i>	197
4.3.4	Jangan Bersikap Bodoh atau <i>Pētaimai</i>	201
4.3.5	Haruslah Mengamalkan Kehidupan Ceria dengan Berketawa	204
4.3.6	Mengelakkan Sikap Menghina Orang Lain	205
4.3.7	Haruslah Tabah Menghadapi Kematian	211
4.3.8	Harus Gigih Berusaha Mengatasi Kemiskinan	212
4.3.9	Harus Menghormati Ibu Bapa yang Meningkat Usia	214
4.3.10	Harus Berusaha Mengubati Penyakit atau <i>Piṇi</i>	219



4.3.11	Harus Berusaha dengan Rajin untuk Mencapai Matlamat Hidup	222
4.3.12	Tidak Harus Takut Menentang Ketidakadilan dalam Masyarakat	225
4.3.13	Tidak Bersikap Terlalu Membangga Diri	230
4.3.14	Harus Mengawal Perasaan Marah	234
4.3.15	Tidak Terlibat dalam Aktiviti Curang	237
4.3.16	Harus Mementingkan Pendidikan Kaum Wanita	244
4.3.17	Harus Menjauhi Perbuatan Fitnah-Memfitnah	249
4.3.18	Harus Melindungi Kanak-kanak daripada Gejala Penderaan	254

BAB 5 RUMUSAN

5.1	Pengenalan	264
5.2	Perbincangan dan Dapatan Kajian	265
5.2.1	Mengenal pasti <i>Envakai Meyppātu</i> Terpapar dalam Novel M.Ramaiah	266
5.2.2	Menganalisis Cara-cara pengarang M. Ramaiah Mencetuskan <i>Meyppātu</i> dalam Novelnya	269
5.2.3	Menghuraikan Unsur-unsur Pengajaran yang disampaikan oleh Pengarang melalui Cetusan <i>Envakai Meyppātu</i>	272
5.3	Cadangan Kajian Selanjutnya	275
5.4	Kesimpulan	277

RUJUKAN	279
----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Senarai Novel-Novel Terpilih M. Ramaiah	17
1.2	Senarai Unsur dan Punca <i>Meyppātu</i>	21
3.1	Senarai Novel-Novel Terpilih M.Ramaiah	48
3.2	Senarai Unsur dan Punca <i>Meyppātu</i>	54
4.1	<i>Meyppatu</i> Tawa Mengikut Punca Dalam Setiap Novel M. Ramaiah	71
4.2	<i>Meyppatu Tangisan</i> Mengikut Punca Dalam Setiap Novel M. Ramaiah	87
4.3	<i>Meyppatu</i> Hina Mengikut Punca Dalam Setiap Novel M. Ramaiah	109
4.4	<i>Meyppatu</i> Kagum Mengikut Punca Dalam Setiap Novel M. Ramaiah	124
4.5	<i>Meyppatu</i> Takut Mengikut Puncanya Dalam Setiap Novel M. Ramaiah	139
4.6	<i>Meyppatu</i> Bangga Mengikut Punca Dalam Setiap Novel M. Ramaiah	151
4.7	<i>Meyppatu</i> Marah Mengikut Punca Dalam Setiap Novel M. Ramaiah Dalam Setiap Novel	163
4.8	<i>Meyppatu</i> Gembira Mengikut Punca Dalam Setiap Novel M. Ramaiah	171

4.9	Senarai <i>Envakai Meyppātu</i> (lapan variasi rasa), Punca-puncanya dan Situasi-situasi Berkaitan	180
4.10	Senarai Pengajaran yang Diterapkan Dalam Novel-novel M. Ramaiah	259
4.11	Senarai Pengajaran Bersifat Positif	260
4.12	Senarai Pengajaran Bersifat Negatif	261
5.1	<i>Envakai Meyppātu</i> dan Bilangan Puncanya dalam Novel-novel M. Ramaiah	266
5.2	Senarai Pengajaran yang Diterapkan Dalam Novel-novel M. Ramaiah	273



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Reka bentuk Kajian	45
3.2 Aliran Metodologi Kajian	50
3.3 Proses Kualitatif Penganalisisan Data	52
3.4 Kerangka Teori <i>Meypāttu</i>	66





SENARAI SINGKATAN

NGO Non Governmental Organisation

tv Televisyen

SPM Sijil Pelajaran Malaysia

SPR Sijil Pelajaran Rendah

USM University Sains Malaysia

YB Yang Berhormat





TRANSLITERASI

NOTES ON TRANSLITERATION AND DIACRITICAL MARKS

The system adopted here is the same as in the Tamil Lexicon of the University of Madras, Vol. VI, p.XXVIII.

Tamil alphabets and their English symbols with diacritical marks:

VOWELS

அ : a

உ : u

ஐ : ai

ஆ : ā

ஊ : ū

ஓ : o

இ : i

எ : e

ஔ : ō

ஈ : ī

ஏ : ē

ஔ : au

CONSONANTS

க : k

ங் : ṅ

ய் : y

ச : c

ஞ் : ñ

ர் : r

ட : ṭ

ண் : ṇ

ல் : l

த் : t

ந் : n

வ் : v

ப் : p

ம் : m

ழ் : ḷ

ற் : ṛ

ன் : ṁ

ள் : ḷ

SANSKRIT LETTERS

ஜ் : j

ஸ் : s

ஷ் : ś

க்ஷ் : kṣ

ஹ் : h





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Kesusasteraan ialah cerminan pemikiran dan perasaan sesebuah masyarakat yang dijalinkan dengan bahasa yang indah. Keindahan hasil kesusasteraan ini dapat memukau rasa dan perasaan serta mempengaruhi minda pendukungnya. Sebenarnya, seseorang karyawan berusaha memukau rasa dan perasaan pembacanya yang wujud secara semula jadi dalam diri serta mempengaruhi mindanya berdasarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam persekitaran berlandaskan rasa atau *meyppātu* untuk mempertajam pandangan dan pemikiran manusia terhadap kehidupannya, memperkaya jiwa manusia dan meninggikan tingkat peradaban manusia. Oleh itu, novel bolehlah dikatakan sebagai genre kesusasteraan yang memang mempunyai kelebihan tertentu. Dalam konteks ini, kajian ini akan meneliti cara-cara hasil karya novel berupaya mempengaruhi faktor dalaman pembacanya.





Di samping itu, seseorang novelis juga akan melakarkan pandangannya terhadap dunia melalui peristiwa-peristiwa yang dipaparkan dalam karyanya. Watak-watak khayalan yang diwujudkan dalam ceritanya merupakan suatu bentuk hiburan dan ruang untuk kita menjenguk sudut pandangan penulis tersebut. Seiring dengan ini, genre novel akan membuka ruang kepada pembaca untuk melihat pelbagai aspek dunia masyarakatnya kerana penulis bercenderung untuk menerapkan semua aspek kehidupan dalam karyanya itu yang berpaksikan akar budaya masyarakat di sekelilingnya.

1.2 Latar Belakang Kajian



Salah satu genre kesusasteraan yang paling popular ialah novel. Kata novel berasal daripada kata Itali *novella* yang membawa maksud sesuatu yang baru, berita atau sesebuah cereka yang bercorak baru. Sebenarnya, kata *novella* diambil daripada kata Latin *novella*. Dilihat dari sudut definisinya, novel boleh diertikan sebagai karya fiksiyen yang panjang (Hashim Awang, 1984). Dalam erti kata lain, novel ialah karangan berbentuk cereka, iaitu cerita rekaan yang dikarang dalam bentuk prosa. Oleh itu, novel dikategorikan sebagai prosa naratif (Rahman Shaari, 2001).

Selain itu, novel ialah suatu bentuk rakaman bertulis yang memaparkan watak-watak yang sering kita temui dalam kehidupan seharian kita (Manonmani Devi, 2008). Watak-watak tersebut pula dipaparkan kepada pembacanya dengan mengabung jalinkan latar, plot, teknik plot dan unsur-unsur fiksiyen lain di samping daya rasa, kepekaan dan keprihatinan penulis terhadap apa-apa yang diamati dan dialami oleh





masyarakat. Tegasnya, novel bukan sahaja suatu bentuk ilmu yang berseni tetapi turut merangkumi segala aktiviti manusia bercorak kreatif yang mencerminkan realiti hidup. Persoalan-persoalan yang dipaparkan dalam sesebuah karya novel merupakan rakaman realiti dalam masyarakatnya. Ringkasnya, novel merupakan renungan serta pengamatan pengarangnya yang diterjemahkan secara halus, indah dan berhemah kepada pembacanya.

Dalam konteks ini, novel ialah karya sastera yang dikatakan wujud sebelum abad 18, namun hanya bermula pada abad 18 sahaja diterima sebagai genre novel sebenar kerana mengandungi elemen-elemen asas yang dapat dikaitkan dengan novel. Seterusnya, pada abad 19 pula, novel menjadi wadah hiburan yang utama dan popular (Ian Watt, 2001). Menjelang abad ke-20, novel telah berkembang dengan begitu pesat dan mewarnai dunia kesusasteraan serta menjadi genre sastera yang paling diminati di seluruh dunia. Oleh itu, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa novel merupakan salah satu bentuk kesusasteraan yang begitu menonjol pada era ini (Sababathy, 1999).

Dalam konteks kesusasteraan Tamil pula, cerita rekaan baharu ini dikenali sebagai *putiṇam*, *nāval*, *naviṇam*, *naviṇam* (Visvanathan, 1976). Sehubungan ini, kata *novel* ialah istilah bahasa Inggeris bermaksud baharu, lantaran itu istilah *putiṇam* ialah kata yang sesuai dalam bahasa Tamil (*Tamil Lexicon*, 1976). Menurut Sababathy (1992), tradisi penulisan novel dalam kesusasteraan Tamil amat berkait rapat dengan kehadiran British ke India sebagai penjajah. Kedatangan mereka telah merintis jalan kepada pengenalan novel di India. Malah, pada akhir abad ke-19, pengaruh genre novel ini mula mendapat tempat utama dan berkembang dengan pesat di India dan seterusnya di negara kita.





Dalam sejarah perkembangan kesusasteraan Tamil, novel pertama ialah *Pirētāpa Mutaliyār Carittiram* hasil karya Mayuram Vethanayagam Pillai yang diterbitkan pada tahun 1876. Novel ini turut diangkat sebagai novel sulung dalam bahasa Tamil (Manonmani Devi, 2008). Lantaran itu, menurut Sauriraj (1997), Mayuram Vethanayagam Pillai diiktiraf sebagai ‘Bapa Novel Tamil’. Selepas itu, novel mula mendapat *momentum* dan berkembang pesat serta bertapak dengan kukuh dalam dunia kesusasteraan Tamil. Ramai novelis yang tersohor mula menempa nama dalam bidang penulisan novel Tamil. Antara novelis tersohor ialah Kalgi, Mu.Varatharasan, Agilan, Jayakanthan, Asokamithran, Jaya Mohan dan penulis-penulis lain lagi.



Pengaruh perkembangan novel di India turut menempias masyarakat imigran Tamil di Tanah Melayu untuk berjinak-jinak dengan genre ini. Novel *Karuṇācākarai allatu Kātalai Māṭci* yang diterbitkan pada tahun 1917 oleh Vekatarettina merupakan karya sulung dalam bahasa Tamil dan beransur-ansur mula mendapat tempat dalam kalangan penulis dan pembaca di negara kita (Loganayagi, 1971). *Pālacuntaram* ataupun *Kēṇmaiyrkka Jeyam* pula merupakan novel kedua di negara kita hasil nukilan Supramaniam pada tahun 1918 (Mathialagan, 1988). Novel awal ini menggunakan Tamil Nadu sebagai latar tempat dan latar masyarakatnya serta dihasilkan dalam dua bahagian (Sababathy, 1992).

Perkembangan novel Tamil di Malaysia mula terbantut seketika dan hanya muncul semula selepas tahun 1930-an sebagai tradisi penulisan tempatan (Mathialagan, 1988). Banyak faktor termasuk Perang Dunia Pertama menjadi punca kemulut ini (Manonmani Devi, 2008). Pada tahun 1930-an, sebanyak 13 buah novel telah





diterbitkan. Manakala, dalam tempoh masa antara tahun 1940-an hingga 1950-an hanya sebuah novel yang berjudul *Mōvāthamullai* hasil karya Narasimmaraj sahaja diterbitkan pada tahun 1949 (Sababathy, 1992). Era 1960-an merupakan dekad perkembangan pesat karya novel Tamil di Malaysia. Dekad 1970-an pula merupakan zaman yang cukup pesat dan bermakna kepada perkembangan novel Tamil di Malaysia (Sababathy, 1996). Dalam tempoh masa ini, sebanyak 23 buah novel telah diterbitkan. Dekad 1980-an turut memperlihatkan era yang membanggakan kesusasteraan Tamil Malaysia. Pada tempoh masa itu, sebanyak 25 buah novel pula telah diterbitkan (Manonmani Devi, 2008).

Dalam konteks ini, M. Ramaiah ialah seorang penulis tersohor yang prolifik kerana telah menghasilkan banyak hasil karya sastera. Sehingga hari ini, M. Ramaiah pernah menghasilkan sebanyak 500 cerpen, 100 esei, 50 sajak, 14 buah novel dan 3 buah novel bersiri. M. Ramaiah yang dilahirkan di Tangkak, Johor mula berkecimpung dalam dunia penulisan sejak 1940-an (Ramaiah, M. 2014). Selain itu, M. Ramaiah juga antara penulis veteran Tamil Malaysia yang masih lagi aktif dalam bidang penulisan. Pada tahun 1975, Ramaiah telah diberi gelaran *Cirukatai Mannan* yang bermaksud Raja Cerpen Tamil Malaysia. Malahan, A. Thevarajan dalam bukunya *Mimpi dan Impian* (2014) berpendapat bahawa Ramaiah ialah penulis prolifik yang tidak asing lagi di persada seni kreatif tanah air, khususnya dalam kalangan pencinta kesusasteraan Tamil Malaysia. Di samping itu, M. Ramaiah ialah penulis pertama dalam dunia kesusasteraan Tamil di Malaysia yang berjaya menerbitkan antologi cerpen pada tahun 1953.

Seterusnya, sesuatu hasil kesusasteraan dikatakan berupaya memukau rasa dan perasaan serta mempengaruhi minda pendukungnya. Sebenarnya, seseorang karyawan





berusaha memukau rasa dan perasaan yang wujud secara semula jadi dalam diri pembacanya serta mempengaruhi mindanya melalui pergolakan jiwa watak-watak dan peristiwa-peristiwa yang dipaparkan dalam persekitaran sosial berlandaskan teori *meyppātu*. Teori *meyppātu* yang diutarakan oleh pendeta Tolkappiyar menekankan *envakai meyppātu*, iaitu lapan jenis rasa seperti tawa, tangisan, hina, kagum, takut bangga, marah dan gembira yang tercetis dalam diri seseorang watak akibat pergolakan jiwa yang dialaminya. Selanjutnya, terdapat empat punca yang mencetuskan setiap *meyppātu* itu. Oleh itu, terdapat 32 punca yang mencetuskan 8 jenis *meyppātu* dalam diri seseorang watak yang terpapar dalam sesebuah karya sastera, terutama dalam novel.

M. Ramaiah ialah seorang penulis tersohor dan prolifik dalam kesusasteraan di Malaysia kerana berjaya menghasilkan banyak karya sastera, terutama 14 buah novel dan 3 buah novel bersiri. Malahan, Presiden Persatuan Penulis-penulis Tamil Malaysia, P. Rajendran berpendapat bahawa jika seseorang pengkaji luar negara yang ingin menghayati liku-liku kehidupan masyarakat Tamil di Malaysia perlulah mendalami karya-karya hasil karya M. Ramaiah. Pernyataan tersebut jelas menunjukkan bahawa hasil karya M. Ramaiah merupakan cerminan realiti kehidupan masyarakat India di Malaysia. Justeru, pengkaji telah memilih sebanyak tujuh buah novel hasil karya M. Ramaiah untuk meninjau aspek penerapan teori *meyppātu* dalam karya tersebut.





1.3 Permasalahan Kajian

Rasa atau perasaan ialah perihal sesuatu yang dikecapi oleh lidah atau keadaan yang dialami oleh tubuh badan. Rasa tersebut ialah manis, tawar, masam, masin dan pedih. Sementara itu, rasa atau perasaan juga dikaitkan dengan keadaan hati yang lebih dikenali sebagai minda apabila berhadapan dengan sesuatu objek atau kejadian. Rasa jenis ini dikaitkan dengan perasaan sedih, kecewa, pilu, senang hati dan sebagainya (Kamus Dewan Edisi Baru, 1993). Sehubungan ini, *Merriam-Webster Online Dictionary* (2020), juga mendefinisikan rasa atau perasaan sebagai keadaan tubuh badan secara umum atau sensasi dialami seseorang dan keadaan emosi atau reaksi minda. Secara ringkas, rasa atau perasaan merujuk kepada keadaan tubuh badan atau minda terhadap sesuatu objek atau keadaan. Rasa atau dalam bahasa Inggeris *taste* adalah berkaitan dengan sensori badan dan menjadi fokus kajian fisiologi. Sebaliknya, rasa atau perasaan (*feelings*) yang berhubung dengan minda ialah fokus kajian sastera termasuk kajian ini.

Menurut Antonio Damasio (2013), seorang ahli neurosains, rasa (*feelings*) ialah pengalaman minda akibat keadaan badan seseorang berikutan tindak balasnya terhadap sesuatu rangsangan luaran berupa objek atau kejadian. Umpamanya, apabila berlaku sesuatu kebakaran, tubuh badan, terutama kulit akan berasa panas lalu rangsangan ini akan mencetuskan perasaan takut dalam minda seseorang. Oleh itu, rasa atau perasaan takut yang dimaksudkan ialah keadaan diri minda seseorang.

Dalam pada itu, Sarah Mckay (2020), juga seorang ahli neurosains, menyatakan bahawa emosi harus dibezakan daripada rasa. Menurutnya, emosi beraksi dalam di





teatre tubuh badan, sementara itu rasa beraksi di teatre minda seseorang. Namun, emosi dan perasaan adalah saling berkaitan kerana emosi mencetuskan sesuatu perasaan. Mengikut, Vanden Bos, Gary (2006), perasaan dikenal sebagai keadaan kesedaran yang timbul daripada emosi, sentimen atau keinginan. Sesuatu perasaan hanya dapat dirasakan dan bersifat abstrak. Secara ringkas, rasa atau perasaan yang dimaksudkan ialah bukanlah emosi, tetapi kesedaran minda apabila seseorang berhadapan dengan sesuatu rangsangan di sekelilingnya.

Selanjutnya, menurut Hochschild, Arlie Russell (2003) terdapat pelbagai rasa seperti kemarahan, kebahagiaan, kegembiraan, tekanan dan keriangian dialami dalam kehidupan kita. Rasa ini dialami apabila tubuh kita bertindak balas terhadap sesuatu emosi. Sementara itu, Paul Eckman (1994) menyatakan bahawa terdapat enam jenis rasa utama seperti kegembiraan, kemarahan, kesedihan, kejijikan, kehairanan dan ketakutan. Manakala, Mureen Marzi Wilson (2020) telah mengenal pasti sebanyak sepuluh perasaan seperti kegembiraan, kesedihan, dikasihi, kekesalan, ketakutan, keharuan, keyakinan, ingin tahu, kemarahan dan malu. Oleh itu, adalah tiada satu kata putus tentang bilangan rasa. Namun demikian, secara umum semua rasa dapat dikategorikan kepada dua jenis rasa, iaitu perasaan menyenangkan atau perasaan positif dan perasaan tidak menyenangkan atau perasaan negatif. Rasa seperti kegembiraan, kebahagiaan, dikasihi dan keyakinan ialah perasaan positif yang disenangi oleh semua lalu tidak mendatangkan sebarang masalah kepada seseorang. Sebaliknya, rasa seperti kemarahan, kesedihan, ketakutan dan kekesalan ialah perasaan negatif yang tidak disenangi oleh semua orang kerana mendatangkan pelbagai kesulitan dan semua orang berusaha untuk menjauhinya.





Sehubungan ini, Bar-Anan, Y; Wilson, T. D.; Gilbert, D. T. (2009) menegaskan bahawa perasaan negatif atau perasaan tidak menyenangkan yang tidak terkawal boleh mendatangkan penderitaan pada diri seseorang dan kesulitan kepada orang di sekelilingnya. Apabila seseorang yang berhadapan dengan tekanan dan masalah akan tercetus perasaan seperti marah, sedih, takut dan kesal yang akan mendesaknyanya bertindak secara tidak wajar dan melulu seperti mencederakan diri. Apabila mengalami perasaan yang tidak menyenangkan itu, seseorang itu berharap agar perasaan itu lenyap begitu sahaja. Namun apabila ini tidak berlaku, Tindakan seperti mencederakan atau menyakiti diri sendiri kadang-kadang menjadi jawapan kepada banyak individu kerana mereka menginginkan sesuatu yang dapat mengalihkan minda mereka daripada masalah sebenarnya. Individu-individu ini akan menghiris, menikam, dan berlajar dalam usaha untuk merasakan sesuatu yang lain daripada yang dirasakan sekarang kerana mereka percaya bahawa kesakitan itu tidak seburuknya masalah sebenarnya.

Pengalihan minda kepada tindakan yang tidak wajar ini bukanlah satu-satunya sebab banyak individu memilih untuk mencederakan diri sendiri. Sebenarnya, sebilangan orang mencederakan diri kerana berasa sedemikian. Sementara itu, individu yang mengalami perasaan negatif sedemikian turut bertindak untuk mencederakan atau menyakiti orang lain. Oleh itu, setiap manusia harus memahami sifat-sifat perasaan negatif ini agar dapat menyelamatkan diri dan orang lain daripada bertindak liar dan tidak wajar.

Antara rasa ini, marah merupakan perasaan yang paling berbahaya sekiranya tidak terkawal. Kemarahan ialah suatu perasaan biasa dalam kehidupan manusia. Namun, kemarahan yang tidak terkawal boleh meningkatkan kebarangkalian atau intensitinya lalu dapat memulakan perlakuan lisan atau fizikal. Menurut DeFoore,





William (1991), kemarahan adalah mirip periuk tekanan, kita hanya dapat memberi tekanan terhadap kemarahan kita untuk jangka masa tertentu sehingga meletupnya. Mengikut Hoffman (2013), perasaan marah juga dikaitkan dengan rasa seperti kesal, gelisah, pedih, terhina, sinis, tidak berpuas, terganggu, kecewa, geram, kusut, permusuhan, tidak sabar, terdesak dan ingin mendendam. Kemarahan yang tinggi dan tidak terkawal boleh menyebabkan masalah dalam hubungan dengan rakan dan keluarga di samping mencetuskan masalah di tempat kerja, kewangan, kesihatan fizikal dan mental. Kemarahan juga sering kali menjadi punca pembunuhan, kegiatan ganas, pemusnahan harta benda, dan penyalahgunaan (*abuse*), sama ada fizikal, lisan, atau seksual. Insiden keganasan rumah tangga juga meningkat (Louise B. Miller, 2020).



Seterusnya, kesedihan ialah kesakitan minda yang lazimnya dikaitkan dengan perasaan kesal, tertekan, kecewa, terluka, suram, patah hati, kehilangan, putus asa, kesunyian, tidak berdaya, kecewa, rindu, melankolik dan letih lesu (Hoffman, 2013). Seseorang yang mengalami kesedihan mungkin menjadi pendiam atau lesu, dan mengasingkan diri daripada orang lain. Apabila keadaan ini berlarutan, seseorang mengalami kemurungan yang boleh membawa gangguan mental yang serius (Jellesma, F.C., Vingerhoets & Ad J.J.M., 2012). Seseorang yang mengalami kemurungan dan gangguan mental kronik seperti skizofrenia dan psikosis dikatakan bercenderung untuk membunuh diri dan menampilkan perlakuan terlalu agresif.

Sementara itu, ketakutan ialah perasaan yang disebabkan oleh keadaan bahaya atau ancaman yang dirasakan lalu membawa perubahan fisiologi dan akhirnya perubahan tingkah laku seperti melarikan diri, bersembunyi, atau membeku daripada bertindak akibat kejadian trauma yang dirasakan. Lazimnya, ketakutan tercetus apabila





seseorang bimbang akan hal berkaitan dengan kesihatan, keselamatan, persekitaran, penyakit berjangkit, kewangan, pekerjaan, kegagalan dan fobia berkaitan dengan objek, kejadian atau binatang tertentu. Perasaan takut ini akan turut mencetuskan rasa cemas, ragu-ragu, gementar, panik, ngeri dan risau. Apabila rasa ketakutan berterusan, sama ada bahaya fizikal di persekitaran atau ancaman yang dirasakan, akan mengalami kesan negatif dalam semua aspek kehidupan dan bahkan menampilkan sifat tidak mampu. Selain itu, perasaan takut yang kronik akan turut menjejaskan kesihatan fizikal dan mental, daya ingatan dan keupayaan otak, dan mengalami trauma (University of Minnesota, 2020).

Sehubungan ini, pelbagai masalah sosioal, ekonomi, agama dan politik mencengkam golongan individu, keluarga, masyarakat dan negara tercetus kerana sebahagian besar manusia sering diselubungi perasaan negatif yang tidak rasional dan tidak tahu cara mencegahnya. Fenomena ini tercetus kerana mereka kurang terdedah kepada konsep rasa yang meliputi sifat-sifat, punca dan kesannya. Dalam konteks ini, pendeta Tolkappiyar pernah mengutarakan konsep rasa, *meyp̄pātu* dalam karyanya *Tolkāppiyam*. Beliau menekankan *envakai meyp̄pātu*, iaitu lapan variasi rasa utama seperti tawa, tangisan, hina, kagum, takut bangga, marah dan gembira yang menentukan sifat dan sikap seseorang dalam hubungannya dengan orang lain. Sebenarnya, pengetahuan tentang *envakai meyp̄pātu* adalah penting untuk memahami isu dan masalah hidup yang dipaparkan melalui perwatakan dan peristiwa tertentu untuk mencegah pergolakan dalam diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Seseorang yang kurang terdedah atau mengetahui cara memelihara, mengurus dan mengimbangi rasa ini dalam kehidupan sehariannya akan menghadapi masalah dalam menjalankan hubungan sosial yang sihat dan harmoni.





Selanjutnya, mengikut Shiyamala, J. (2009) *meyp̄pātu* merupakan manifestasi gambaran sebenar tentang perasaan yang tercetus secara semula jadi dalam diri seseorang manusia. Rasa *meyp̄pātu* bukanlah sesuatu yang direka-reka, sebaliknya merupakan sesuatu perasaan semula jadi yang diiringi oleh perubahan luaran tertentu pada tubuh badan seseorang. Rasa *meyp̄pātu* ini menjadi sifat umum yang dimiliki oleh manusia sejagat.

Namun, pada era serba moden yang penuh dengan pelbagai cabaran dan pergolakan hidup, penghayatan *envakai meyp̄pātu* ini semakin merosot lalu masyarakat berhadapan dengan pelbagai permasalahan hidup. Aruljoti, Ce. (2005) menegaskan bahawa *envakai meyp̄pātu* dapat melahirkan masyarakat berbudaya tetapi beliau turut mendapati bahawa rasa ini semakin luntur lalu keadaan ini menjejaskan ikatan persaudaraan dalam masyarakat kita. Masyarakat pada hari dikatakan menghadapi masalah dalam menampilkan *envakai meyp̄pātu* yang wajar dan sederhana mengikut situasi sosial tertentu. Menurut Aruljoti lagi, sebahagian rasa ini sudah berubah sifatnya lalu masyarakat menerapkannya untuk menampilkan sikap kepura-puraan dan keangkuhan diri.

Dalam konteks ini, pengkaji yakin bahawa kajian teori *meyp̄pātu* yang menekankan *envakai meyp̄pātu* ini sangat relevan dengan masalah ini. Tekanan emosi yang ketara akibat mengabaikan *envakai meyp̄pātu* dalam masyarakat boleh membawa konflik dalam diri sendiri di samping konflik dan pergesaran antara diri dengan keluarga, masyarakat dan pelbagai institusi negara. Dalam pada itu, di sinilah timbul peranan karyawan dan sastera untuk menekankan kepentingan *envakai meyp̄pātu* kepada masyarakat dalam menjalani kehidupan sosial yang harmoni.





Sebenarnya, seseorang karyawan berusaha memukau rasa dan perasaan yang wujud secara semula jadi dalam diri pembacanya untuk mempengaruhi mindanya melalui pergolakan jiwa watak-watak dan peristiwa-peristiwa yang dipaparkan dalam persekitaran sosial berlandaskan teori *meyppātu*. Oleh itu, pengkaji ingin melihat cara penulis M. Ramaiah mencerminkan perasaan watak-wataknya, terutama *envakai meyppātu*, ketika memaparkan isu dan masalah hidup yang menimpa diri mereka untuk tatapan dan penghayatan para pembacanya. Pendekatan ini boleh dijadikan sebagai teladan dan panduan untuk masyarakat memahami perasaan diri sendiri dan orang lain serta segala permasalahan hidup yang dihadapi oleh mereka akibat terluntarnya pemahaman tentang *envakai meyppātu* ini lalu dapat membantu para pembaca melahirkan interaksi dan situasi sosial yang mesra, harmoni dan sihat.



Di samping itu, kehadiran M. Ramaiah dalam dunia penulisan novel Tamil Malaysia memang sangat dirasakan kepentingannya kerana beliau ialah seorang penulis yang prolifik yang telah menghasilkan banyak karya dan berpengalaman begitu luas, iaitu melebihi 70 tahun. Ramaiah juga menerima gelaran '*Cirukatai Manṇan*' yang bermaksud Raja Cerpen Tamil Malaysia atas ketokohan beliau menghasilkan karya kreatif yang dapat memukau para pembacanya. Oleh itu, M. Ramaiah bukanlah calang-calang orangnya kerana ketajaman penulisan beliau bagaikan seorang doktor sastera yang mengubati pergolakan sukma masyarakat. Seseorang pengkarya kreatif yang berpengalaman luas seperti M. Ramaiah tidak semata-mata mencipta sesuatu baharu dalam kosong, sebaliknya menggunakan gagasan, pengalaman, pemikiran dan pengamatannya, iaitu kepengarangannya untuk mencerminkan perasaan, pemikiran dan isu-isu di sekeliling untuk tatapan masyarakat.





Bertitik tolak daripada andaian inilah, karya-karya M. Ramaiah telah dipilih untuk kajian ini. Oleh itu, pengkaji akan mengenal pasti *envakai meyppātu*, iaitu lapan jenis rasa yang terpapar dalam novel karya M. Ramaiah. Beliau didapati mencerminkan persoalan dan isu-isu yang sering berlaku dalam masyarakat melalui watak dan perwatakan yang menampilkan pelbagai rasa yang tidak wajar, melulu atau gagal mengawal perasaan negatifnya yang menjadi punca isu-isu tersebut.

Melalui kajian ini juga, pengkaji akan menganalisis dan mengemukakan punca-punca rasa *meyppātu* itu tercetus dalam diri watak yang dipaparkan dalam novel M. Ramaiah kerana semua permasalahan hidup yang dipaparkan dalam novel-novel tersebut menunjukkan ada hubung kait dengan persoalan *meyppātu*. Pengkaji yakin bahawa penelitian *envakai meyppātu* dalam novel-novel ini akan memberi kesedaran dan keinsafan kepada pembaca tentang cara menguruskan pelbagai rasa ini dalam hubungan dengan orang lain demi melahirkan interaksi dan suasana sosial yang harmoni, mesra dan sihat

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertajuk *Cetusan Envakai Meyppātu Dalam Novel M. Ramaiah* akan meninjau sebanyak tujuh buah novel hasil nukilan M. Ramaiah. Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Menenal pasti *envakai meyppātu* yang terpapar dalam novel-novel karya M. Ramaiah.





- ii. Menganalisis cara-cara pengarang M. Ramaiah mencetuskan *meyppātu* dalam novel-novelnya.
- iii. Menghuraikan unsur-unsur pengajaran yang disampaikan oleh pengarang melalui cetusan *envakai meyppātu*.

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini berfokus kepada tiga soalan kajian yang berikut:

- i. Apakah *envakai meyppātu* yang terpapar dalam novel karya M. Ramaiah?
- ii. Bagaimanakah pengarang mencetuskan *meyppātu* dalam novel-novelnya?
- iii. Apakah unsur-unsur pengajaran yang disampaikan oleh pengarang melalui cetusan *envakai meyppātu*



1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini cuba meneliti dan mengenal pasti teori *meyppātu* yang terpapar dalam tujuh buah novel terpilih hasil karya M. Ramaiah. Dengan ini, pengkaji dapat mengetengahkan *envakai meyppātu* yang terkandung dalam hasil karya beliau untuk tatapan masyarakat. Pengkaji juga turut dapat menilai tahap keberkesanan penulis M. Ramaiah memaparkan *envakai meyppātu* dalam novel-novelnya agar dapat dieksploitasi oleh para pembaca.

Kajian ini juga diharap dapat dijadikan sebagai garis panduan untuk menghayati perasaan dan perlakuan watak-watak yang terpapar dalam novel-novel M. Ramaiah. Sebenarnya, pengetahuan tentang *envakai meyppātu* adalah penting





untuk memahami isu dan masalah hidup yang dipaparkan melalui perasaan watak, peristiwa serta pergolakan dalam diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Pemahaman jelas akan *envakai meyppātu* ini membolehkan para pembaca menghayati kelapan-lapan jenis *meyppātu* dalam mendekati isu, masalah, pergolakan jiwa dan konflik yang menimpa diri sendiri dan dalam hubungan sesama manusia.

Seterusnya, melalui kajian ini pengkaji dapat menganalisis punca-punca yang mencetuskan *envakai meyppātu* dalam diri watak yang terpapar dalam novel karya M. Ramaiah. Pengetahuan ini amat diperlukan untuk mengenali lebih dekat akan masyarakat, terutama masyarakat India. Secara tidak langsung, maklumat dan dapatan yang diperoleh daripada hasil kajian ini akan dapat dimanfaatkan oleh semua golongan masyarakat, khususnya pembaca untuk memahami manusia di sekitarnya dan membolehkan penerapan teori *meyppātu* dalam hubungan sesama manusia serta membantu ke arah melahirkan masyarakat yang seimbang dan harmonis.

Selain itu, kajian ini turut berusaha mengenal pasti dan menghuraikan kesesuaian penggunaan *envakai meyppātu* dalam novel karya M. Ramaiah. Teori *meyppātu* yang akan dicungkil akan menjadi panduan dan pedoman dalam kehidupan seharian. Selain itu, kajian ini membolehkan semua golongan mengenal pasti dan mencari jalan penyelesaian yang positif dalam menghadapi isu dan permasalahan hidup. Melalui kajian ini juga, pembaca dapat meneladani dan menambahkan ilmu pengetahuan untuk memahami teori *meyppātu* serta membantu mengatasi segala permasalahan dalam kehidupan seharian.





Akhir sekali, kajian ini yang menganalisis novel-novel terpilih M. Ramaiah berdasarkan teori *meyppādu* yang diutarakan oleh Tolkapiyar juga diharapkan akan menjadi rujukan kepada para siswazah dan juga pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian susulan di samping mencipta dan menampilkan novel-novel yang memaparkan teori *meyppātu*. Kajian ini juga diharap akan memberi kesedaran serta mendorong para peminat kesusasteraan lebih mengenali dan menghayati *envakai meyppātu*.

1.7 Batasan Kajian

Kajian tentang cetusan *envakai meyppātu* dalam novel M. Ramaiah mempunyai beberapa batasan. Kajian ini terbatas kepada novel-novel yang terpilih sahaja dan bukan meninjau keseluruhan hasil karya penulis M. Ramaiah.

Di samping itu, kajian ini hanya akan mengambil kira sebanyak tujuh buah novel sahaja untuk mengkaji secara lebih mendalam teori *meyppātu* yang terkandungnya. Senarai novel M. Ramaiah yang digunakan dalam kajian ini terpapar dalam Jadual 1.1.



Jadual 1.1

Senarai Novel Terpilih M. Ramaiah		
Bil.	Judul Novel	Tahun Terbitan
1	<i>Viḷalum Nīrum</i>	1999
2	<i>Oru Tāyiṇ Ilacciyak Kaṇavu</i>	1976
3	<i>Caṅkamam</i>	1995
4	<i>Payāṇaṅkaḷ Muṭivatillai</i>	2009
5	<i>Neruppu Cuṇai</i>	2009
6	<i>Maṇa Ūṇaṅkaḷ</i>	2001
7	<i>Alakiṇ Ārāṭaṇai</i>	1992

Sebanyak tujuh buah novel tersebut dipilih sebagai bahan kajian ini atas alasan tertentu.

Pertama, kesemua novel ini digerakkan oleh watak wanita dan lelaki sebagai watak utama yang berbeza latar sosioekonomi serta latar masa dan masyarakat yang menampilkan pelbagai perasaan dalam menempuh kehidupan yang penuh rintangan dan halangan dalam kehidupan masing-masing. Lantaran itu, agak menarik jika teori *meypṇātu* dikupas berdasarkan watak-watak tersebut. Selain itu, novel-novel ialah genre yang paling sesuai untuk meneliti *teori meypṇātu* kerana perwatakan, terutama pelbagai perasaan dan gerak-gerik manusia hanya dilakarkan secara terperinci dan mendalam dalam novel-novel sahaja.

Sementara itu, pengaji telah memilih teori *envakai meypṇātu* yang dipelori oleh Tolkappiyar. Pendeta Tolkappiyar telah membincangkan lapan jenis *meypṇātu*, iaitu tawa, tangisan, hina, kagum, takut, bangga, marah dan gembira. Setiap jenis *meypṇātu* atau rasa tersebut dicetuskan oleh empat punca yang dikenali *nilaikalangal*. Lapan jenis *meypṇātu* ini dikenali sebagai *envakai meypṇātu* atau lapan variasi rasa.



1.8 Sumber Kajian

Data ialah suatu keperluan amat penting dalam sesebuah kajian. Seseorang pengkaji sangat memerlukan data ini untuk menganalisis, menguraikan dan membuat sintesis tentang fenomena yang dikajinya itu. Dalam kajian yang berjudul *Cetusan Envakai Meyppātu Dalam Novel M. Ramaiah* ini, dua sumber data akan digunakan, iaitu sumber premier dan sumber sekunder.

1.8.1 Sumber Premier

Dalam konteks kajian ini, tujuh buah novel M. Ramaiah ialah sumber premier memandangkan kajian ini ialah kajian kepustakaan yang menggunakan kajian analisis teks. Tujuh buah novel yang terpilih sebagai bahan kajian ialah novel *Vilalum Nīrum*, *Oru Tāyīṇ Ilacciyak Kaṇavu*, *Caṅkamam*, *Payanaṅkaḷ Muṭivatillai*, *Neruppu Cuṇai*, *Maṇa Ūṇaṅkaḷ* dan *Aḷakiṇ Ārātanaḷ*.

Sejajar dengan tajuk kajian ini, teori yang memandu kajian ini ialah Teori *Meyppātu* yang diutarakan oleh pendeta Tolkappiyar dalam teks klasiknya *Tolkāppiyam*. Oleh sebab teks ini ditafsirkan oleh ramai sasterawan, hasil tafsiran Ilampooranar adalah dianggap sebagai tafsiran terbaik dan lengkap. Oleh itu, teks tafsiran Ilampooranar ialah teks teori kajian ini.





1.8.2 Sumber Sekunder

Sumber kedua ialah sumber sekunder yang bertindak sebagai landasan untuk melaksanakan kajian ini. Sumber sekunder ini ialah buku-buku berkaitan dengan teori dan novel. Di samping itu, penulisan ilmiah, artikel, jurnal dan artikel kritikan serta buku-buku sejarah perkembangan sastera Tamil Malaysia juga turut digunakan untuk melengkapkan kajian ini.

1.9 Definisi Konsep

Sebenarnya, pengetahuan tentang *envakai meyppātu* adalah penting untuk memahami isu dan masalah hidup yang dipaparkan melalui perasaan watak, peristiwa serta pergolakan dalam diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Dalam kajian ini, terdapat beberapa perkataan atau istilah yang perlu difahami oleh para pembaca. Oleh itu, pengkaji telah menyenaraikan beberapa istilah serta definisi konsep untuk memudahkan pembaca untuk memahami setiap istilah tersebut. Tafsiran definisi konsep adalah berdasarkan tajuk kajian iaitu berjudul *Cetusan Envakai Meyppātu Dalam Novel M. Ramaiah*.

1.9.1 Aspek

Mengikut *Merriam-Webster's Collegiate Dictionary* (1993) aspek merupakan sudut pandangan terhadap sesuatu, iaitu cara yang boleh dilihat oleh minda yang merangkumi semua keadaan atau seseorang baik secara visual atau mental. Aspek juga dikenali





sebagai ciri atau bahagian dalam sesuatu bidang, perkara dan hal-hal lain yang perlu diberi perhatian. Dalam konteks kajian ini, aspek ini boleh dikaitkan dengan cara pemaparan watak-watak atau ekspresi wajahnya .

1.9.2 *Meyppāttu*

Dalam proses penghasilan novel, seseorang penulis itu menekankan pelbagai perasaan hidup watak-watak dengan menggabungkan perasaan sebenar yang dialami oleh masyarakat di sekitarnya. Aspek *envakai meyppāttu*, iaitu lapan variasi rasa menjadi tumpuan dalam kajian novel-novel ini. Kelapan-lapan jenis rasa ini dilahirkan oleh seseorang manusia mengikut situasi sosial tertentu dan rasa ini dapat dikesan dengan



cara tertentu.

உய்த்துணர்வு இன்றித் தலைவரு பொருளான்
மெய்ப்பட முடிப்பது மெய்ப்பா டாகும்.
(இளம்பூரணர் 1460)

எண்வகை இயல்நெறி பிழையா தாகி
முன்னுறக் கிளந்த முடிவினது அதுவே.
(இளம்பூரணர் 1461)

Perasaan seseorang manusia dapat diketahui melalui perubahan pada tubuh badan dan suaranya. Misalnya, melalui pengamatan yang melibatkan mata dan telinga, kita dapat memahami perubahan perasaan yang berlaku dalam diri seseorang. Biasanya, pergolakan jiwa seseorang individu dapat dikesan dengan mengamati perasaan yang





dilahirkan serta perubahan pada tubuh badan seperti badan yang berpeluh, menggigil dan sebagainya.

Pendeta Tolkappiyar telah menyenaraikan lapan variasi rasa, *envakai meyppātu* ini dalam hasil karyanya berjudul *Tolkāppiyam*.

நகையே அழுகை இளிவரல் மருட்கை
அச்சம் பெருமிதம் வெகுளி உவகை என்று
அப்பால் எட்டே மெய்ப்பாடு என்ப. செய்யுள் 1196

Secara ringkas, lapan variasi rasa tersebut adalah terdiri daripada:

- i. *nakai* - tawa
- ii. *alūkai* - tangisan
- iii. *iḷivaral* - hina
- iv. *maruṭkai* - kagum
- v. *accam* - takut
- vi. *perumitam* - bangga
- vii. *vekuḷi* - marah
- viii. *uvakai* - gembira

Setiap unsur *meyppātu* ini masing-masing dapat dibahagi kepada empat jenis punca.

Menurut teori *meyppātu*, punca-punca ini menjadi pencetus *envakai meyppātu* ini.

Punca-punca *envakai meyppātu* ini disenaraikan dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2

Senarai Unsur dan Punca Meyppātu

Bil	Unsur- unsur Meyppātu	Punca-punca			
1	<i>Nakai</i> - Tawa	<i>eḷḷal</i> - Ejekan	<i>iḷamai</i> - Keanak- anakan	<i>pētamai</i> – Kejahilan	<i>maṭaṇ</i> Kebodohan



2	<i>Aḷukai</i> – Tangisan	<i>iḷivu</i> – Terhina	<i>iḷavu</i> – Kehilangan	<i>acaivu</i> – Kedaifan	<i>varumai</i> – Kemiskinan
---	-----------------------------	---------------------------	------------------------------	-----------------------------	--------------------------------

Jadual 1.2 (*sambungan*)

Bil	Unsur- unsur Meyppātu	Punca-punca			
3	<i>Iḷivaral</i> – Hina	<i>mūppu</i> – Ketuaan	<i>piṇi</i> Penyakit	<i>varuttam</i> Kesedihan	<i>meṇmai</i> Keuzuran
4	<i>Maruṭkai</i> – Kagum	<i>putumai</i> – Keanehan	<i>perumai</i> – Takjub	<i>ciṛumai</i> – Kehalusan	<i>ākkam</i> – Pembaharuan
5	<i>Accam</i> – Takut	<i>aṇaṅku</i> – Makhluk halus	<i>vilāṅku</i> – Binatang liar	<i>kaḷvar</i> Perompak	<i>iṛai</i> Pihak atasan
6	<i>Perumitam</i> Bangga	<i>kalvi</i> – Ilmu	<i>taṛukaṇ</i> - Keberanian	<i>pukaḷmai</i> – Kemasyhuran diri	<i>koṭai</i> - Murah hati
7	<i>Vekuḷi</i> – Marah	<i>urupparai</i> Penderaan fizikal	<i>kuṭikōl</i> Cukai	<i>alai</i> – Hukuman	<i>Kolai</i> – Pembunuhan
8	<i>Uvakai</i> – Gembira	<i>celvam</i> – Kekayaan	<i>pulaṇ</i> – Keindahan	<i>puṇarvu</i> – Persetubuhan	<i>vilaiyāṭṭu</i> Permainan

1.9.3 Novel

Novel ialah karya sastera bersifat fiksyen yang berbentuk prosa dan ditulis secara naratif dalam bentuk cerita. Novel ialah genre sastera yang paling popular dalam kalangan pembaca sekarang. Kata ‘novel’ berasal daripada kata Itali *novella* yang membawa maksud sesuatu yang baru atau sesebuah cereka yang bercorak baru. Menurut Hashim Awang (1984), novel ialah karya fiksyen yang panjang, iaitu novel ialah karangan berbentuk cereka, iaitu cerita rekaan yang dikarang dalam bentuk prosa. Oleh itu, novel dikategorikan sebagai prosa naratif (Rahman Shaari, 2001). Novel, biasanya memaparkan kisah seseorang watak utama yang diiringi beberapa watak



sampingan. Watak-watak tersebut pula dipaparkan kepada pembacanya dengan menggabung jalinkan latar, plot, teknik plot dan unsur-unsur fiksi lain di samping rasa, kepekaan dan keprihatinan penulis terhadap apa-apa yang diamati dan dialami oleh masyarakat. Watak-watak ini akan memaparkan pelbagai perasaan. Plot atau jalinan ceritanya adalah berdasarkan aspek permulaan, perkembangan, konflik, kemuncak dan peleraian yang akan menyelitkan aspek persoalan, nilai, pengajaran dan mesej yang menyentuh hati nurani pembacanya.

Tebal dan panjang sesebuah novel ini turut diambil kira. Lazimnya, cerita dalam sesebuah novel adalah panjang dan memerlukan masa setidaknya-tidaknya dua jam. Terdapat juga novel yang tebalnya 1000 muka surat. Novelis akan menggambarkan kisah berlaku berdasarkan latar tertentu dengan mengadunkan percintaan antara wira (hero) dengan wirawati (heroine). Lazimnya, kisah dan watak yang dipaparkan dalam sesebuah novel dapat melahirkan pelbagai perasaan mengikut susunan plot ceritanya. Lazimnya, aspek konflik dan kemuncak boleh mencetuskan perasaan hairan, saspens, marah dan takut sedangkan peleraian cerita pula dapat menyentuh hati nurani pembaca dengan mengalirkan air mata pembaca atau perlakuan senyuman atau ketawa untuk melahirkan perasaan gembira. Dalam kajian ini, aspek perasaan watak-watak ini akan diberi tumpuan dan dianalisis.





1.10 Kesimpulan

Kajian ini berjudul *Cetusan Envakai Meyppātu Dalam Novel M. Ramaiah* cuba meneliti dan mengenal pasti *envakai meyppātu* atau lapan variasi rasa yang terpapar dalam tujuh buah novel terpilih hasil karya M. Ramaiah berdasarkan objektif dan soalan kajian yang ditetapkan, dan berusaha mengetengahkan *envakai meyppātu* ini untuk tatapan masyarakat.



Di samping itu, dalam Bab 1 ini secara umumnya turut dibincangkan latar belakang, permasalahan, batasan, kepentingan dan sumber kajian. Selain itu, definisi konsep yang merangkumi konsep aspek, *meyppātu* dan novel juga disentuh secara mendalam untuk pengertian para pembaca.

